



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMoe)
www.ijmoe.com



PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU: KONSEP
DAN PERSPEKTIF

TEACHER PROFESSIONAL LEARNING: CONCEPTS AND PERSPECTIVES

Zuana Sulaiman^{1*}, Mahaliza Mansor²

¹ Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: zuana_sulaiman@yahoo.com

² Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
Email: mahaliza@fpe.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.09.2024

Revised date: 10.10.2024

Accepted date: 05.11.2024

Published date: 16.12.2024

To cite this document:

Sulaiman, Z., & Mansor, M. (2024). Pembelajaran Profesional Guru: Konsep dan Perspektif. *International Journal of Modern Education*, 6 (23), 15-29.

DOI: 10.35631/IJMoe.623002

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Landskap yang dinamik dalam sistem pendidikan global telah mengalami transformasi yang ketara untuk memenuhi keperluan era moden yang berkembang. Peralihan ini telah memberi penekanan kepada kepentingan peranan guru sebagai komponen asas dalam sistem pendidikan negara. Bagi menyokong kecemerlangan dan kemenjadian pelajar, guru harus sentiasa menyegarkan dan menambah pengetahuan dan kebolehan mereka melalui pembelajaran profesional. Pembelajaran profesional guru adalah proses berterusan yang meningkatkan kemahiran dan kepakaran guru untuk memastikan kecemerlangan dalam pendidikan. Proses ini memerlukan kerjasama aktif dan penglibatan seluruh komuniti sekolah, termasuk guru, pentadbir dan kakitangan sokongan. Dengan bekerjasama komuniti sekolah boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk penambahbaikan berterusan, akhirnya membawa kepada hasil yang lebih baik untuk pelajar. Kertas konsep ini mengupas tentang konsep dan peranan pembelajaran profesional guru terutamanya di sekolah. Model dan amalan pembelajaran profesional turut dijelaskan agar dapat memberikan kefahaman kepada guru-guru supaya sentiasa belajar bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran mereka. Ini adalah satu usaha yang penting bagi pembangunan sekolah dan keberhasilan pelajar. Adalah juga diharapkan kertas konsep ini dapat memberikan beberapa pandangan baharu kepada pengkaji pembelajaran profesional guru pada masa hadapan.

Kata Kunci:

Pembelajaran Profesional Guru, Pembangunan Sekolah, Keberhasilan Pelajar.

Abstract:

The dynamic landscape of the global education system has undergone a significant transformation to meet the evolving needs of the modern era. This shift has emphasised the importance of teachers' role as the foundation of the country's education system. To support the excellence and development of students, teachers should constantly refresh and enhance their knowledge and abilities through professional learning. Teacher professional learning is an ongoing process that enhances teachers' skills and expertise to ensure excellence in education. This process requires active collaboration and involvement of the entire school community, including teachers, administrators, and support staff. By working together, the school community can create an environment conducive to continuous improvement, ultimately leading to better student outcomes. This concept paper discusses the concept and role of teachers' professional learning, especially in schools. Professional learning models and practices are also taught to help teachers comprehend the necessity of constantly learning and improving their expertise and skills. This is an important effort for school development and students' success. It is also hoped that this concept paper can provide some new insights to professional learning researchers of teachers in the future.

Keywords:

Teacher Professional Learning, School Development, Student Outcomes

Pendahuluan

Sistem pendidikan di seluruh dunia telah berkembang untuk memenuhi keperluan masa kini. Guru berperanan sebagai tonggak asas sistem pendidikan negara, secara aktif membentuk pembangunan modal insan negara. Kerajaan Malaysia telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025), dengan anjakan keempat yang berhasrat untuk meningkatkan profesion guru dengan meningkatkan kualiti guru, peluang kerjaya dan kesejahteraan guru melalui inisiatif pembangunan profesional (Muhammad Faizal et al., 2016). Usaha ini adalah untuk menjadikan guru dihormati dan dihargai di bawah mandat membangunkan generasi akan datang negara, supaya guru dapat mengembangkan profesionalisme mereka (Muhammad Faizal et. al., 2016). Ini selaras dengan matlamat keempat *Sustainable Development Goal* (SDG) bertujuan untuk menawarkan pendidikan berkualiti kepada semua (UNESCO, 2018; KPM, 2018). Ia menyatakan bahawa akses sejagat kepada peluang dan promosi pembelajaran sepanjang hayat untuk semua orang bergantung kepada penyediaan pendidikan berkualiti tinggi. Untuk mencapai matlamat ini, bekalan guru yang berkualiti perlu dipertingkatkan selaras dengan globalisasi semasa (Fetylyana et. al., 2024).

Guru berfungsi sebagai agen perubahan untuk meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia (Mohd Aizat & Kamarudin, 2020). Peningkatan kualiti pendidikan guru akan dapat meningkatkan taraf keseluruhan pendidikan secara berkesan dan menyumbang kepada pembangunan holistik pelajar. Oleh itu, meningkatkan kualiti pengajaran adalah keutamaan utama dalam pendidikan guru (Sahin & Yildirim, 2015). Ini kerana guru adalah aset penting dalam sesebuah sekolah dan prestasi sekolah sangat bergantung kepada kualiti guru. Guru merupakan nadi dan penggerak utama dalam membantu sekolah mencapai matlamat dan menangani pelbagai cabaran yang muncul di sekolah (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010).

Oleh itu, untuk meningkatkan profesionalisme guru-guru bagi menyokong kecemerlangan sekolah dan kemenjadian pelajar, guru harus sentiasa menyegarkan dan menambah pengetahuan dan kebolehan mereka melalui pembelajaran profesional. Idea pembelajaran profesional guru adalah penting kerana ia membantu dalam melahirkan guru yang lebih cekap dan produktif yang menjadi aset berharga dalam organisasi pendidikan (Amin, 2004). Pembelajaran profesional guru menyumbang kepada perubahan sekolah dengan meningkatkan kepakaran guru dalam bidang kandungan tertentu untuk menghadapi perubahan dunia (Liu & Hallinger, 2021). Mrutu et al. (2023) menegaskan pembelajaran profesional yang baik dan mengikut peredaran masa berperanan melengkapkan guru dengan maklumat terkini dan teknik pengajaran yang moden.

Tinjauan Literatur

Konsep dan Peranan Pembelajaran Profesional Guru

Pembelajaran profesional guru memainkan peranan penting dalam pembangunan guru dan sekolah serta pembelajaran pelajar (Fullan, 2009; Liu & Hallinger, 2018). Penyelidik, penggubal dasar dan pengamal semakin berminat untuk menyediakan, membangun dan mengekalkan pembelajaran profesional guru di sekolah (Hallinger et al., 2019; Kwakman, 2003). Menurut Hallinger et al. (2019), guru yang mengamalkan perspektif pembelajaran profesional menunjukkan tingkah laku responsif ke arah mengukur hasil pembelajaran pelajar, melakukan penyelidikan praktikal untuk meningkatkan pengajaran mereka, dan terbuka kepada idea dan kaedah baharu. Seterusnya, Yunga (2020) menekankan bahawa pembelajaran profesional memastikan guru mengemas kini kemahiran dan pengetahuan, yang menyumbang kepada profesionalisme guru. Ini selari dengan Boeskens, Nusche dan Yurita (2020) yang menyatakan pembelajaran profesional yang berterusan adalah penting bagi guru untuk meluaskan dan mendalami pengetahuan mereka, mengikuti penyelidikan dan amalan baharu, dan bertindak balas terhadap keperluan pelajar yang berubah-ubah. Di samping itu, pembelajaran profesional juga meningkatkan keyakinan guru, yang dipengaruhi oleh modal profesional seperti pengetahuan, kemahiran, rangkaian sosial, dan keupayaan membuat keputusan (Nolan & Molla, 2017). Jelasnya, pembelajaran profesional membolehkan guru kekal berhubung dengan misi moral mereka, melibatkan diri dalam perkara yang mencabar, dan menerangkan nilai dan idea tentang tujuan pengajaran (King, 2019).

Menyedari peranan pembelajaran profesional guru yang kritikal, ia menjadi asas dalam memupuk pembelajaran pelajar, kerana keberkesanan guru mempunyai kesan yang besar terhadap hasil pembelajaran pelajar (Chen, 2022). Penyelidikan menunjukkan bahawa pembelajaran memainkan peranan penting dalam membantu guru mengembangkan pengetahuan mereka dan mengubah suai kaedah pengajaran mereka (Bredeson & Scribner, 2000; DuFour & Marzano, 2012). Pembelajaran profesional secara amnya dilihat sebagai aspek penting untuk mencapai peningkatan sekolah di mana guru dianggap sebagai kuasa paling penting di dalam sekolah dari segi keberhasilan pelajar (King, 2019). Pembelajaran profesional telah menjadi penekanan utama sekolah kerana pembelajaran profesional yang berjaya adalah penting untuk membangunkan guru yang berkualiti (Baguley & Kerby, 2012), manakala kualiti guru pula menggalakkan pencapaian pelajar (William, 2016). Ini selaras dengan Admiraal et al. (2016) yang menegaskan bahawa pembelajaran profesional yang berkesan akan meningkatkan amalan pengajaran guru, yang membawa kepada pembelajaran pelajar yang lebih baik.

Menurut Muniandy (2021), untuk mengekalkan kualiti pendidikan, guru harus meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mereka tentang mata pelajaran yang mereka ajar, serta kemahiran mereka dalam mengajar dan belajar. Kejayaan sekolah dipengaruhi oleh guru yang sentiasa berkembang dan mempelajari perkara baharu. Aminudin dan Norfariza (2024) berpendapat guru harus sentiasa belajar untuk meningkatkan kepakaran dan pengetahuan mereka dan terus berkembang sebagai guru yang berpengetahuan dan profisien. Ini termasuk mengikuti perkembangan terkini tentang pedagogi dan strategi pengajaran terkini (Aminudin & Norfariza, 2024). Dapatan ini selari dengan Timperley (2011) yang menegaskan guru harus terus terlibat dalam pembelajaran profesional bagi sentiasa mengemakini diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran. Ini memudahkan mereka menyesuaikan diri dengan persekitaran pendidikan yang berubah dengan pantas. Easton (2008) berpendapat bahawa pembelajaran lebih bermakna apabila guru terlibat dalam aktiviti pembelajaran profesional berasaskan sekolah sama ada formal atau tidak formal, seperti kolaborasi, pemantauan, pelaksanaan dan refleksi untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Ini disokong oleh Thompson, Kriewaldt dan Redman (2020) yang menyatakan pembelajaran profesional guru melibatkan menghadiri bengkel dan menerapkan pembelajaran pada bilik darjah mereka, menyumbang kepada penambahbaikan dalam amalan pengajaran. Dalam proses pembelajaran profesional, guru secara aktif memberi tumpuan kepada kolaborasi bagi meningkatkan kualiti dalam pendidikan, menilai pengalaman kehidupan sebenar dan membangunkan amalan pengajaran (Easton, 2008).

Pembelajaran profesional merupakan proses yang direka untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap guru sama ada secara individu atau kolaboratif untuk meningkatkan pembelajaran pelajar (Sparks & Loucks-Horsley, 1989; Hoyle & John, 1995; Guskey, 2000; Lestari, Surtikanti & Rahman, 2023). Dunn et. al. (2018) menyatakan pembelajaran profesional guru diiktiraf sebagai instrumen penting dalam membangunkan keupayaan guru bagi memenuhi tanggungjawab mereka sebagai guru dan memainkan peranan penting dalam pembelajaran pelajar. Postholm (2012) menekankan pembelajaran profesional guru sebagai keupayaan guru untuk belajar, cara memperoleh kemahiran baharu dan cara guru menggunakan pengetahuan mereka untuk meningkatkan pembelajaran pelajar.

Selain itu, matlamat pembelajaran profesional juga adalah untuk membantu individu berkembang secara peribadi dan mengamalkan tingkah laku profesional yang beretika (Salo et. al., 2024). Jelasnya, pembelajaran profesional guru melibatkan pembinaan pengetahuan secara aktif melalui amalan dan refleksi, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti pengetahuan sedia ada, kepercayaan, peluang untuk melakukan perkara-perkara baru, kerjasama antara guru dan masa yang mencukupi untuk melakukan sesuatu perubahan (Van Driel, 2014). Alsaleh (2020) pula menambah pembelajaran profesional memberi peluang kepada guru untuk bertukar-tukar pengalaman dalam pelbagai bidang subjek dan membincangkan cabaran pengajaran dalam bilik darjah, sekali gus memenuhi keperluan pembelajaran profesional guru. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran profesional melibatkan guru berkongsi pengetahuan dan kemahiran, serta membangunkan profesionalisme dalam memacu kecemerlangan dan keberhasilan pelajar.

Menurut Cohen dan Ball (1999), konsep pembelajaran profesional dalam pendidikan melibatkan tiga elemen utama. Pertama, pembelajaran harus berkaitan secara langsung dengan amalan guru. Guru memerlukan pengalaman praktikal dengan tugas penting dan cara berfikir yang menjadi asas kepada amalan mereka untuk belajar dengan berkesan. Kedua, pembelajaran harus berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di mana guru melibatkan diri dalam

penyiasatan, eksperimen, analisis dan refleksi. Ini penting untuk pembelajaran yang berkesan. Akhir sekali, pembelajaran berterusan adalah penting untuk mengekalkan budaya profesionalisme bertujuan meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Cohen & Ball, 1999).

Opfer dan Pedder (2011) menyatakan pembelajaran profesional guru melibatkan interaksi tiga subsistem iaitu guru, sekolah, dan aktiviti pembelajaran, yang mempengaruhi pengetahuan dan amalan bilik darjah mereka. Ini agak selari dengan dapatan Kwakman (2003) yang membahagikan pembelajaran profesional guru kepada tiga bahagian: pertama, penglibatan guru dalam aktiviti pembelajaran profesional di sekolah; kedua, penyertaan guru dalam pembelajaran individu dan sosial, seperti bekerjasama dengan pendidik lain; dan akhirnya, peluang untuk guru memajukan pembangunan profesional mereka.

Menurut Ping, Schellings dan Beijard (2018), pembelajaran profesional guru melibatkan pelbagai aktiviti dan pengalaman yang mengajar mereka cara menjalankan tugas mereka dengan berkesan. Keperluan pembelajaran profesional bukan sahaja relevan tetapi juga menarik dan menghiburkan, mengelakkan pengalaman yang tidak menyenangkan bagi guru (Heller, 2022). Pembelajaran profesional berasaskan sekolah dapat menyokong guru melalui intervensi seperti visi di sekolah tentang pembelajaran yang dikongsi bersama, peluang-peluang pembelajaran profesional, kolaborasi dan perubahan organisasi (Admiraal, 2019). Jelasnya, pembelajaran profesional merupakan pendekatan berstruktur yang memudahkan usaha kolaboratif di kalangan guru untuk meneroka, menjana dan menggunakan kaedah pengajaran inovatif yang menyumbang kepada pertumbuhan profesional mereka.

Dunia pendidikan yang dinamik memerlukan guru untuk terus berkembang. Inilah sebab utama mengapa pembelajaran profesional harus menjadi amalan guru. Azam dan Zainurin (2011) menegaskan bahawa pembelajaran profesional guru adalah penting kerana beberapa aspek. Aspek pertama adalah permintaan untuk jenis kecekapan pendidikan baru di semua peringkat. Aspek kedua ialah pembangunan berterusan dan pengubahsuaian tugas dan kewajipan baharu yang memerlukan pembelajaran guru bagi menyesuaikan dengan persekitaran kerja mereka. Jelaslah bahawa pembelajaran profesional adalah penting dan relevan. Ia mesti dijalankan secara teratur, berterusan, berkesan, dan konsisten, dengan mengambil perkembangan dan perubahan dunia pendidikan pada masa ini (Sa'adiah et al., 2020). Oleh itu, guru perlu mengamalkan pembelajaran profesional untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai mereka selaras dengan kedinamikan pendidikan supaya guru dapat memberi sumbangan yang ketara kepada kecemerlangan sekolah dan keberhasilan pelajar.

Amalan Pembelajaran Profesional berasaskan Sekolah

Pembelajaran profesional guru berasaskan sekolah merupakan alternatif yang berkesan, khusus untuk sesuatu situasi dan tidak memerlukan belanja yang mahal kepada pembelajaran dan pembangunan guru yang memupuk komuniti pembelajaran dan amalan baik di sekolah (Adjei-Boateng & Cobbinah, 2021). Ini selari dengan pandangan Cansoy dan Turkoglu (2022) bahawa pembelajaran profesional guru yang melibatkan aktiviti di tempat kerja boleh meningkatkan pengetahuan dan amalan guru. Oleh itu, Ventista dan Brown (2023) berpendapat sekolah seharusnya menyediakan pembelajaran profesional yang berkualiti tinggi dan berterusan untuk membantu guru agar sentiasa belajar. Apabila sekolah menyediakan peluang pembelajaran profesional yang direka dengan baik dan bermakna kepada guru-guru, mereka mampu menawarkan peluang pembelajaran untuk kanak-kanak dengan lebih baik (Darling-Hammond & Richardson 2009). Mahaliza dan Norlia (2010) menegaskan pembelajaran profesional

berasaskan sekolah yang baik dapat membantu guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Jelasnya pembelajaran profesional guru merupakan konsep di mana guru boleh mengemas kini, mengembangkan dan meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka melalui latihan di tempat kerja secara berterusan (Liu & Hallinger, 2018). Penglibatan guru dalam pembelajaran profesional yang berterusan memperkasakan guru untuk memperhalusi kemahiran, meningkatkan pengetahuan dan berkembang menjadi pendidik yang berkesan.

Menurut Mahaliza, Norlia dan Masri (2015), guru akan menjadi lebih berkesan sekiranya aktiviti pembelajaran profesional dirancang dan dilaksanakan di sekolah dengan berkesan. Ini disokong oleh Shea, Sandholtz dan Shanahan (2018) yang menyatakan pembelajaran profesional peringkat sekolah meningkatkan kemungkinan bahawa guru akan komited terhadap perubahan dalam kaedah pengajaran dan memberi mereka lebih banyak peluang untuk mengambil bahagian dalam perdebatan profesional tentang pekerjaan mereka. Kabilan (2019) menyimpulkan bahawa sekolah harus diberi lebih banyak tanggungjawab untuk merancang, melaksana dan menilai sebahagian besar pembelajaran profesional untuk semua guru mereka. Jelasnya, model pembelajaran profesional berasaskan sekolah boleh membawa kepada peningkatan komitmen terhadap amalan yang digubal, identiti guru yang lebih baik, kepimpinan dan keberkesanan yang dikongsi bersama (Gutierrez (2019).

Dalam kajian literatur mengenai konseptualisasi pembelajaran profesional guru, Opfer dan Pedder (2011) menekankan keperluan bagi sekolah dalam meningkatkan proses dan amalan organisasi pembelajaran. Ini bagi menyediakan keadaan yang paling optimum untuk mengekalkan dan memaksimumkan pembelajaran guru. Ini termasuklah memupuk persekitaran kolaborasi yang menyokong dan menggalakkan pembangunan dan pertumbuhan profesional yang berterusan di kalangan guru. Wal et al. (2018) pula merumuskan pembelajaran profesional guru sebagai satu proses yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan aktiviti pembelajaran yang dijalankan khusus oleh guru di tempat kerja. Karacabey et al. (2022) mendapati pembelajaran profesional guru di peringkat sekolah memberi sumbangan yang signifikan kepada keberkesanan sekolah dan memberi manfaat kepada guru dan pelajar. Oleh itu, Hairon dan Tan (2017) menegaskan bahawa sekolah bertanggungjawab menyediakan peluang pembelajaran kepada guru mereka.

Menurut Ayob (2005), pembelajaran profesional guru adalah proses pembelajaran formal yang perlu dijalankan berasaskan sekolah. Ini adalah usaha mempersiapkan guru dengan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang berkaitan dengan bidang tugas utama guru iaitu pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah dan menjalankan tugas dan tanggungjawab untuk mencapai visi dan misi sekolah. Pembelajaran profesional guru berasaskan sekolah juga menawarkan lebih banyak peluang kepada guru untuk melibatkan diri dalam perbualan profesional berkenaan amalan mereka. Menurut Shea, Sandholtz, dan Shanahan (2018), pembelajaran profesional peringkat sekolah menawarkan lebih banyak peluang kepada guru untuk melibatkan diri dalam perbincangan profesional mengenai amalan mereka. Ini meningkatkan kemungkinan bahawa kebanyakan guru akan komited terhadap perubahan dalam amalan dan teknik pengajaran mereka. Oleh itu, Mahaliza, Norlia dan Masri, (2015) menegaskan bahawa pengetahuan dan kemahiran guru boleh dipertingkatkan melalui pembelajaran profesional berasaskan sekolah yang berkesan.

Aktiviti pembelajaran profesional untuk guru harus diatur berdasarkan keperluan profesional mereka untuk meningkatkan dan mengukuhkan kebolehan pedagogi dalam pengajaran dan

pembelajaran. Selain itu, guru-guru dapat meningkatkan kemahiran mereka amalan pengajaran dan pembelajaran terkini (Kabilan & Veratharaju, 2013). Kabilan (2019) berhujah bahawa sekolah harus diberikan tanggungjawab yang lebih besar untuk merancang, melaksanakan, dan menilai kebanyakan program pembelajaran profesional untuk guru mereka. Dalam pada itu, Mahaliza et al. (2015) menekankan bahawa mengadakan pelbagai aktiviti pembelajaran profesional di sekolah akan memberi impak yang lebih baik kepada amalan guru. Guru akan menjadi lebih berkesan jika aktiviti pembelajaran profesional dirancang dan dilaksanakan dengan berkesan di dalam sekolah (Mahaliza et al., 2015).

Model-model Amalan Pembelajaran Profesional Guru

Amalan Pembelajaran Mahaliza (2013)

Mahaliza (2013) telah mengemukakan lima model pembelajaran profesional. Yang pertama ialah pembelajaran sendiri dan latihan, iaitu model tradisional bagi pembelajaran profesional (Sparks & Loucks-Horsley, 1989). Tiga model lain terdiri daripada portfolio profesional, kumpulan pembelajaran dan kajian tindakan. Berbeza dengan model tradisional, model pembelajaran profesional inovatif ini seperti yang dicadangkan oleh Roberts dan Pruitt (2009), memberikan guru autonomi dan akauntabiliti yang lebih besar dalam pelaksanaannya di sekolah. Model pembelajaran tradisional dan inovatif adalah dua contoh model pembelajaran profesional yang dikemukakan oleh Mahaliza (2013). Model-model ini menunjukkan kepelbagaian dalam aplikasi model pembelajaran profesional dalam bidang pendidikan. Mahaliza (2015) menekankan kepentingan pembelajaran profesional yang berterusan bagi guru. Untuk memenuhi keperluan pembelajaran guru yang pelbagai, pelbagai model pembelajaran profesional harus digunakan. Setiap guru mempunyai gaya pembelajaran dan pengalaman kerja yang unik, menjadikannya penting untuk menggunakan model pembelajaran profesional yang pelbagai, merangkumi kedua-dua pendekatan tradisional dan inovatif.

Model pembelajaran tradisional seperti latihan dan pembelajaran sendiri adalah berguna untuk mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran asas guru dalam kurikulum dan inovasi pengajaran. Walau bagaimanapun, model pembelajaran profesional yang lebih baharu seperti kumpulan pembelajaran dan pembangunan portfolio adalah lebih berkesan dalam meningkatkan pelaksanaan dan transformasi amalan pengajaran. Dengan menggabungkan model-model ini, impak yang positif boleh dicapai dalam pembelajaran profesional dan pertumbuhan guru, di samping memupuk komuniti pembelajaran kolaboratif dalam kalangan guru. Pendekatan ini menghalang guru daripada menjadi terasing dalam persekitaran kerja dan pembelajaran mereka, malah ia menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan guru-guru.

Amalan Pembelajaran Sparks dan Louck-Horsley (1989)

Pembangunan staf ditakrifkan sebagai proses meningkatkan pengetahuan, kemahiran atau sikap pekerja di sekolah. Oleh itu, lima amalan pembelajaran profesional telah dicadangkan oleh Sparks dan Louck-Horsley (1989). Antaranya ialah pembangunan staf secara sendiri, pemantauan/penilaian, penglibatan dalam proses pembangunan atau penambahbaikan, latihan dan inkuiri. Amalan ini bertujuan untuk meningkatkan pembelajaran dan prestasi guru, yang kemudiannya akan digunakan untuk menggalakkan pencapaian dan kejayaan pelajar di sekolah.

Model Sparks dan Louck-Horsley (1989) merujuk kepada pembangunan staf secara sendiri, iaitu satu proses di mana guru merancang dan memberi tumpuan kepada aktiviti yang mereka percaya akan memberi manfaat kepada pembelajaran mereka sendiri. Model pemerhatian atau penilaian menawarkan data objektif dan maklum balas kepada guru tentang prestasi bilik darjah mereka. Penglibatan dalam proses pembangunan/penambahbaikan melibatkan guru dalam pembangunan kurikulum, reka bentuk program, atau penambahbaikan sekolah untuk menangani sesuatu isu sama ada umum atau khusus. Model inkuiri memerlukan guru memilih bidang pengajaran yang mereka minat, mengumpul data, dan kemudian membuat pengubahsuaian pada pengajaran mereka bergantung pada interpretasi data yang diperolehi. Model latihan memerlukan guru memperoleh maklumat atau kemahiran melalui arahan individu atau kumpulan yang sesuai.

Louck-Horsley et al. (2003) membentangkan banyak strategi khusus yang konsisten dengan objektif amalan pembelajaran profesional ini. Sebagai permulaan, guru mesti melibatkan diri dalam banyak kaedah pembelajaran yang mereka ingin gunakan terhadap pelajar untuk mengembangkan pengetahuan mereka. Kedua, pelaksanaan kurikulum dan unit pembaharuan boleh berfungsi sebagai aktiviti latihan pengajaran asas. Seterusnya, guru membangunkan sumber dan kaedah pengajaran baharu untuk memadankan keperluan pembelajaran pelajar melalui aktiviti terjemahan teori dalam amalan mereka. Teknik terakhir yang berkesan untuk proses pengajaran dan pembelajaran adalah memotivasikan guru untuk membuat refleksi, menjalankan kajian tindakan, membincangkan kajian kes, menyemak kertas pelajar, dan membentuk kumpulan pembelajaran.

Amalan Pembelajaran Profesional Guskey (2000)

Amalan Pembelajaran Profesional Guskey (2000) ialah amalan yang direka untuk menawarkan pelbagai pilihan dan peluang kepada pendidik untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesional mereka. Kepelbagaian dalam konteks ini merujuk kepada variasi dalam andaian, jangkaan dan sikap guru terhadap pembelajaran profesional. Amalan Pembelajaran Profesional Guskey (2000) terdiri daripada tujuh komponen utama iaitu latihan, pemerhatian dan penilaian, kumpulan pembelajaran, kajian tindakan, pembelajaran sendiri, bimbingan, dan penyelesaian masalah secara kolaboratif. Guskey (2000) menyerlahkan penggunaan aktiviti pembelajaran profesional untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Gabungan kaedah ini boleh membawa kepada pertumbuhan dan peningkatan profesional yang berkesan untuk individu dan organisasi.

Menurut Guskey (2002), banyak program pembelajaran profesional yang diterima pakai kurang berkesan disebabkan proses perubahan guru, di mana setiap aktiviti pembelajaran profesional yang dirancang bermula dengan perubahan sikap, kepercayaan dan persepsi guru. Kebanyakan guru tidak mahu menerima perubahan baharu dalam tatacara dan kaedah bilik darjah. Oleh itu, Guskey (2002) mengenal pasti tiga matlamat untuk keberkesanan program pembelajaran profesional: Perubahan dalam amalan bilik darjah guru, sikap dan kepercayaan, dan hasil pembelajaran pelajar. Program pembelajaran profesional guru untuk mengubah sikap dan kepercayaan bertujuan untuk mendapatkan komitmen dan semangat daripada guru dan pentadbir sekolah sebelum melaksanakan amalan atau strategi baharu.

Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002) menunjukkan pendekatan alternatif kepada kejayaan program pembelajaran profesional untuk guru. Menurut model ini, perubahan yang signifikan dalam sikap dan kepercayaan guru berlaku apabila mereka mendapati bahawa

mengubah suai kaedah bilik darjah boleh meningkatkan pembelajaran pelajar. Peningkatan dalam pembelajaran pelajar adalah akibat daripada perubahan guru dalam amalan pengajaran mereka, seperti menggunakan kaedah atau pendekatan pengajaran baharu, sumber pembelajaran baharu dan mengubah suai prosedur bilik darjah. Oleh itu, perubahan dalam sikap dan kepercayaan guru membawa kepada perubahan dalam tingkah laku dan amalan bilik darjah, serta pembelajaran pelajar yang lebih baik.

Amalan Pembelajaran Profesional Roberts dan Pruitt (2009)

Amalan pembelajaran profesional yang dicadangkan oleh Roberts dan Pruitt (2009) adalah berdasarkan proses pembelajaran komuniti di mana proses tersebut merangkumi *job-embedded*, kolaborasi, *site-based* dan berterusan. Strategi pembelajaran profesional *job-embedded* berkaitan dengan ciri-ciri pembelajaran profesional kolaboratif dan menawarkan peluang untuk komunikasi, refleksi dan inkuiri. Pembelajaran profesional kolaborasi berlaku apabila guru bekerjasama untuk belajar dan mengajar antara satu sama lain. Guru akan berkongsi pemikiran dan pengalaman mereka dengan masyarakat.

Seterusnya, pembangunan staf *site-based* membolehkan staf melawat bilik darjah rakan sekerja mereka, melibatkan diri dalam ceramah formal atau tidak formal, dan berkongsi pendapat dengan pelajar. Manakala pembelajaran profesional yang berterusan pula memerlukan inkuiri, eksperimen dan penilaian yang berterusan semasa guru cuba meningkatkan keberkesanan mereka. Pembelajaran profesional berlaku secara konsisten sepanjang kerjaya guru, daripada guru novis kepada guru kanan. Amalan pembelajaran profesional Roberts dan Pruitt (2009) mengenengahkan enam dimensi iaitu portfolio profesional, kumpulan pembelajaran, pemantauan dan penilaian, penyelesaian masalah secara kolaboratif, kumpulan kerja, dan *lesson study*.

Perspektif dan Dinamika Amalan Pembelajaran Profesional Guru

Berdasarkan amalan pembelajaran profesional yang dibincangkan, model-model yang dikemukakan menunjukkan kepelbagaian pembelajaran profesional dalam bidang pendidikan. Model-model pembelajaran profesional boleh dibahagikan kepada pembelajaran individu dan pembelajaran kumpulan. Oleh itu, setiap guru mempunyai peluang untuk memilih aktiviti pembelajaran yang sesuai dengan keperluan mereka. Ini disokong oleh Mahaliza et al. (2014), yang menyatakan penggunaan model pembelajaran profesional haruslah dipelbagaikan dalam usaha guru meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka. Ini penting kerana setiap guru mempunyai keperluan pembelajaran yang unik, terutamanya dari segi gaya pembelajaran dan pengalaman kerja. Rauf, Ali dan Noor (2017) pula mendapati kepelbagaian model pembelajaran profesional guru boleh membawa perubahan yang bermakna dalam bilik darjah. Ini menjelaskan kepentingan pemilihan model pembelajaran profesional kerana ia akan memberi kesan kepada hasil pembelajaran guru sama ada positif atau sebaliknya. Jelasnya, model pembelajaran guru yang bersifat "*one-size-fits-all*" tidak akan memberikan hasil pembelajaran yang berkesan kepada guru. Sebaliknya, guru harus diberi ruang dan peluang untuk memilih reka bentuk pembelajaran yang diperlukan sesuai dengan kemahiran dan keperluan. Ini bagi memastikan guru memperoleh kemahiran dan pengetahuan yang terkini dan sesuai.

Darling-Hammond et al., 2017 berpendapat model pembelajaran yang digunakan merupakan salah satu aspek penting dalam pembelajaran profesional guru. Penggunaan model amalan pembelajaran profesional yang berkesan telah terbukti berjaya menggalakkan pembelajaran

guru dan menyokong pencapaian pelajar (Darling-Hammond et al., 2017). Ini bermaksud pertimbangan model pembelajaran profesional guru adalah penting dalam mengambil kira keperluan guru dan konteks khusus sesebuah sekolah. Ini melibatkan pemeriksaan menyeluruh persekitaran pengajaran, populasi pelajar, sumber yang ada dan matlamat sekolah. Setiap model pembelajaran profesional mempunyai kelebihan dan ciri keunikan yang tersendiri yang bersesuaian dengan keperluan sekolah. Dengan menilai faktor-faktor ini secara menyeluruh, sekolah boleh membuat keputusan tentang model pembelajaran profesional yang paling sesuai dengan situasi sesebuah sekolah. Menyesuaikan model pembelajaran profesional dengan keperluan dan konteks khusus sekolah adalah penting untuk memaksimumkan keberkesanan pembangunan profesional dalam kalangan guru dan menyokong kejayaan pelajar secara keseluruhan.

Kompetensi guru dianggap sebagai satu keperluan penting untuk meningkatkan pencapaian akademik dan pengalaman sekolah pelajar (Pauline & Kung, 2015). Oleh itu, pada abad ke-21 ini, guru memerlukan kompetensi yang berbeza-beza, sesuai dengan perubahan bidang pendidikan masa kini yang memerlukan guru kreatif dan inovatif untuk menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran efektif seterusnya melahirkan produk berkualiti. Jelasnya, sekolah perlu memastikan pembelajaran guru yang disediakan adalah sesuai mengikut keperluan guru. Ini penting bagi memastikan guru bersedia menghadapi cabaran semasa dan mengambil usaha menggerakkan peranan sebagai pencetus kreativiti dan penjana inovasi. Guru harus diberikan sokongan dan dorongan bagi mengembangkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Inovasi dalam membangunkan amalan pembelajaran yang dinamik dan bersifat kontemporari akan membantu guru memainkan peranan yang fleksibel dalam membangunkan bakat dan potensi pelajar. Ini penting untuk memberi nilai tambah kepada guru-guru supaya berupaya menyediakan pelajar sejajar dengan keperluan *Industry Revolution 4.0*. Tambahan pula, dalam persekitaran pendidikan yang dinamik pada hari ini memerlukan seseorang guru untuk sentiasa meningkatkan kemahiran yang holistik. Ini penting untuk menjadikan guru lebih dihormati, relevan dan menjadi pakar rujuk bukan sahaja dalam persekitaran sekolah malah juga dalam persekitaran komuniti yang lebih besar.

Kesimpulan

Guru adalah aset penting dalam sesebuah sekolah. Mereka menyampaikan pengetahuan, memupuk kemahiran berfikir secara kritis, memberi inspirasi kepada pelajar dan komuniti, berfungsi sebagai suri teladan, dan memainkan peranan yang besar dalam perkembangan holistik kanak-kanak. Prestasi dan kejayaan keseluruhan sekolah juga dipengaruhi oleh kualiti guru dari segi kepakaran, dedikasi dan keberkesanan seseorang guru. Oleh itu, guru harus sentiasa mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka melalui pembelajaran profesional. Dengan itu, guru dapat menyumbang kepada perubahan sekolah dengan kepakaran mereka dalam pengajaran subjek dan teknik pengajaran yang sesuai dengan pelajar pada abad ke-21 ini. Jelasnya, pembelajaran profesional adalah penting kepada guru bukan sahaja untuk pertumbuhan mereka sendiri sebagai profesional dan individu, tetapi juga untuk menambah baik sekolah, meningkatkan pencapaian pelajar, dan meningkatkan taraf pendidikan (Ozdemir, 2013).

Amalan pembelajaran profesional berasaskan sekolah merupakan alternatif yang berkesan di mana sekolah menyediakan pembelajaran profesional yang berkualiti tinggi dan berterusan untuk membantu guru agar sentiasa belajar. Dalam amalan pembelajaran profesional, terdapat model-model pembelajaran yang boleh dipertimbangkan oleh sekolah dan guru dalam usaha

meningkatkan kepakaran dan kemahiran guru. Penglibatan guru dalam pembelajaran profesional yang berterusan memperkasakan guru untuk memperhalusi kemahiran, meningkatkan pengetahuan dan berkembang menjadi pendidik yang berkesan.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia kerana telah memberi ruang dan peluang dalam menghasilkan penulisan kertas konsep ini bersempena dengan *16th International Conference on Humanities and Social Sciences (16th ICHiSS 2024)*. Terima kasih juga diucapkan kepada penyelia utama penulis iaitu Profesor Madya Dr. Mahaliza Mansor di atas tunjuk ajar dan sokongan yang diberikan terutama berkaitan dengan proses penulisan kajian.

Rujukan

- Adjei-Boateng, E. & Cobbinah, J. E. (2021). School-Based Professional Development of Teachers: The Role of School Heads as Leaders. In J. Keengwe (Ed.), *Handbook of Research on Innovations in Non-Traditional Educational Practices* (pp. 379-394).
- Admiraal, W., Kruiter, J., Lockhorst, D., Schenke, W., Sligte, H., Smit, W., Tigelaar, D., & Wit, W. de. (2016). Affordances of Teacher Professional Learning in Secondary Schools. *Studies in Continuing Education*, 38 (3): 281–298.
- Alsaleh, A. (2020). The Influence of Heads of Departments' Instructional Leadership, Cooperation, and Administrative Support on School-based Professional Learning in Kuwait. *Educational Management Administration & Leadership*, 50(5), 832–850.
- Amin, S. (2004). Hubungan Pengurusan Pembangunan Profesional Sekolah Dengan Model Pembangunan Profesional Guru Serta Pengaruh Terhadap Pengajaran Guru Di Sekolah-Sekolah Menengah Negeri Sabah. Universiti Malaysia Sabah: Tesis PhD.
- Aminudin, H., & Norfariza, M. R. (2024). Pembangunan Profesionalisme dan Kepimpinan Guru Sekolah Kebangsaan di Daerah Pekan Pahang. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, April 2024, Bil. 11, Isu 2.
- Ayob, J. (2005). Pengetua Sekolah yang Efektif. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd. Pahang.
- Azam, O., & Zainurin, D. (2011). Professional Development among Academic Staff at Selected Malaysian Public Universities: Preliminary Findings of the Impact of the Basic Teaching Methodology Course (BTMC). *International Journal of Business and Social Sciences*, 2(11), Special Issue June 2011.
- Baguley, M. & Kerby, M. (2012), "Teachers' Perceptions of Professional Development and the Role of the University", in Danaher, P.A., De George-Walker, L., Henderson, R., Matthews, K.J., Midgeley, W., Noble, K., Tyler, M.A. and Arden, C.H. (Eds), *Constructing Capacities: Building Capabilities Through Learning and Engagement*, Cambridge Scholars, Newcastle upon Tyne, pp. 107-123.
- Boeskens, L., Nusche, D., & Yurita, M. (2020). "Policies to Support Teachers' Continuing Professional Learning: A Conceptual Framework and Mapping of OECD Data. *OECD Education Working Papers*, No. 235, OECD Publishing, Paris, <https://doi.org/10.1787/247b7c4d-en>.
- Bredeson, P. V., & Scribner, J. P. (2000). A Statewide Professional Development Conference: Useful Strategy for Learning or Inefficient Use of Resources? *Education Policy Analysis Archives*, 8(13). Retrieved from <http://epaa.asu.edu/ojs/article/view/404>

- Cansoy, R., & Turkoglu, M. E. (2022). Practices and Constraints of Teacher Professional Learning in a Centralized Education System. *Inquiry in Education*, Vol. 14, Issue 2, Article 7.
- Chen, L. (2022). Facilitating Teacher Learning in Professional Learning Communities through Action Research: A Qualitative Case Study in China. *Teaching & Teacher Education*, 119:103875.
- Cohen, D. K., & Ball, D. L. (1999). Instruction, Capacity, and Improvement. *Consortium for Policy Research in Education, Philadelphia, PA*. Retrieved from ERIC database. (ED 431749).
- Darling-Hammond, L. and Richardson, N. (2009). Teacher Learning: What Matters? *Educational Leadership*, 66 (5),46–53.
- DuFour, R., & Marzano, R. (2012). *Leaders of Learning: How District, School and Classroom Leaders Improve Student Achievement*. Bloomington, IN: Solution Tree Press.
- Dunn, R., Hattie, J., & Bowles, T. (2018). Using the Theory of Planned Behavior to Explore Teachers' Intentions to Engage in Ongoing Teacher Professional Learning. *Studies in Educational Evaluation*, 59, 288-294.
- Easton, L. B. (2008). From Professional Development to Professional Learning. *Phi Delta Kappan*, 89(10), 755–761.
- Fetylyana, N. P., Harwati, H., Melor, M. Y., & Karmila Rafiqah, M. R. (2024). Exploring Malaysian ESL Pre-service Teachers' Perceptions on Knowledge of Learners, Digital Literacy and 21st Century Competency. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*. Vol. 23, No. 1, pp. 300-317.
- Fullan, M. (2009). Large-scale reform comes of age. *Journal of Educational Change*, 10(2–3), 101– 113
- Guskey, T. R. 2000. *Evaluating Professional Development*. Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Gutierrez, S. (2019). Learning from Teaching: Teacher Sense-Making on Their Research and School-Based Professional Development. *Issues in Educational Research*, 29, 1181-1200.
- Hairon, S., & Tan, C. (2017). Professional Learning Communities in Singapore and Shanghai: Implications for Teacher Collaboration. *Compare*, 47(1):91-104.
- Hallinger, P., Liu, S., & Piyaman, P. (2019). Does principal leadership make a difference in teacher professional learning? A comparative study China and Thailand. *Compare: A Journal of Comparative International Education*, 49(3), 341–357.
- Heller, E. (2022) Teachers as Learners: Making Professional Learning Meaningful through Modeling, Engagement, and Fun! *A conference paper presented on Professional Learning*.
- Hoyle, E. & John, P. (1995). *Professional Knowledge and Professional Practice*. Cassell: London.
- Karacabey, M. F., Bellibaş, M. S., & Adams, D. (2022). Principal Leadership and Teacher Professional Learning in Turkish Schools: Examining the Mediating Effects of Collective Teacher Efficacy and Teacher Trust. *Educational Studies*, 48(2), 253–272.
- Kabilan, M. K., & Veratharaju, K. (2013). Professional Development Needs of Primary School English-language Teachers in Malaysia. *Professional Development in Education*, 39(3), 330-351.
- Kabilan, M. K. (2019). Malaysian English Language Teachers' Satisfaction Level of their Professional Development. *ELTAR-J*, Volume 1, Number 1, August 2019, pp. 49-59.
- King, F. (2019). Professional Learning: Empowering Teachers? *Professional Development in Education*, 45, 169 - 172. <https://doi.org/10.1080/19415257.2019.158084>

- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). Laporan Tahunan 2018 Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/laporan-dan-statistik/2615-laporan-tahunan2018-bpsh/file>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. <https://www.padu.edu.my/my/resources/meb-2013-2025/pppm/>
- Kwakman, K. (2003). Factors Affecting Teachers' Participation in Professional Learning Activities. *Teaching and Teacher Education*, 19(2), 149–170.
- Lestari, W., Surtikanti, H., & Rahman, T. (2023). Science Teacher's Professionalism in Planning Practical Learning Activities. *Syntax Literate; Jurnal Ilmiah Indonesia*. <https://doi.org/10.36418/syntax-literate.v8i9.11443>.
- Liu, S., & Hallinger, P. (2018). Principal Instructional Leadership, Teacher Self-Efficacy, and Teacher Professional Learning in China: Testing a Mediated-Effects Model. *Educational Administration Quarterly*, 54(4), 501-528.
- Liu, S., & Hallinger, P. (2021). Unpacking the Effects of Culture on School Leadership and Teacher Learning in China. *Educational Management Administration and Leadership*, 49(2), 214-233. <https://doi.org/10.1177/1741143219896042>
- Loucks-Horsley, S., Love, N., Stiles, K. E., Mundry, S. E., & Hewson, P. (2003). Designing Professional Development for Teachers of Science and Mathematics (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Corwin Press.
- Mahaliza, M. (2013). *Pembinaan Model Pembelajaran Profesional berasaskan Sekolah di Sekolah Menengah Harian di Malaysia*. Tesis. Ph.D yang tidak diterbitkan. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahaliza, M., & Norlia, M. N. (2010). Pembangunan Profesional berasaskan Sekolah: Tinjauan Awal. Dalam *International Management Education Conference 2010 (iMED 2010)*, Melaka: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mahaliza, M., Norlia, M. N., & Jamal@Nordin, Y. (2014). Hubungan antara model-model pembelajaran profesional terhadap amalan guru sekolah menengah harian di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 6(5).
- Mahaliza, M., Norlia, M. N., & Masri, B. (2015). School-based Professional Learning Inventory (SPLI): Inventory Development, Factor Analysis, Validity and Reliability. *Proceedings of INTCESS15- 2nd International Conference on Education and Social Sciences*.
- Mohd Aizat, A. H., & Kamarudin, M. (2020). Tahap Profesionalisme Guru Sekolah Kebangsaan di Semenanjung Malaysia. *Management Research Journal*, Vol. 9 No 2.
- Mrutu, N., Kibga, E., Hoka, A., Kajoro, P., Mtenzi, F., Kova, J., Nkota, H., & Biswalo, T. (2023). Investment in Teacher-Education Versus Teacher-Educational Research for Effective Teacher-Professional Learning. *Journal of Education and Practice*, 7(5), 30–46. <https://doi.org/10.47941/jep.1437>
- Muhammad Faizal A. G., Abdul Khalil, A., Zaharah, H., Norfariza, M. R., Ainoor Mahfuzah, A. & Faisol, E. (2016). Program Pembangunan Profesionalisme Guru Sekolah Berprestasi Tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, Julai 2016, Bil. 3, Isu 3.
- Muniandy, I. (2021). The Influence of the Dominant Teacher's Professional Learning Dimensions on Commitment of National Secondary School's Teachers in Penang. *Journal of Contemporary Issues and Thought*, 11(1), 20-34.
- Nolan, A., & Molla, T. (2017). Teacher Confidence and Professional Capital. *Teaching and Teacher Education*, 62, 10-18. <https://doi.org/10.1016/J.TATE.2016.11.004>.

- Opfer, V. D., & Pedder, D. (2011). Conceptualizing Teacher Professional Learning. *Review of Educational Research*, 81 (3), 376–407.
- Özdemir, S. M. (2013). Exploring the Turkish Teachers' Professional Development Experiences and Their Needs for Professional Development. *Online Submission*, 3(4), 250-264.
- Pauline, S. C. G., & Kung, T. W. (2015). Exploring the Challenges for Teacher Educators. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers & Teacher Education*, Vol. 5, No. 1, June 2015, 37-45.
- Ping, C., Schellings, G., & Beijaard, D. (2018). Teacher Educators' Professional Learning: A Literature Review. *Teaching and Teacher Education*. <https://doi.org/10.1016/J.TATE.2018.06.003>.
- Postholm, M. (2012). Teachers' Professional Development: A Theoretical Review. *Educational Research*, 54, 405 - 429. <https://doi.org/10.1080/00131881.2012.734725>.
- Rauf, P. A., Ali, S. K. S., & Noor, N.A.M. (2017). The Relationship Between Models Of Teachers Professional Development And Teachers' Instructional Practices In The Classrooms In The Primary Schools In The State Of Selangor, Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 2(5), 120-132.
- Roberts, S. M., & Pruitt, E. Z. (2009). *School as Professional Learning Communities: Collaborative Activities and Strategies for Professional Development*. Thousand Oaks: Corwin Press.
- Sa'adiah, S., Jamal @ Nordin, Y., & Hamidah, Y. (2020). Pembangunan Profesionalisme Guru terhadap Efikasi Kendiri Guru Sekolah Menengah di Negeri Selangor. *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 33(1).
- Sahin, I., & Yildirim, A. (2015). Transforming Professional Learning into Practice. *ELT Journal*, 70(3), 241-252.
- Salo, P., Francisco, S., & Olin, A. (2024). Understanding Professional Learning in and for Practice. *Professional Development in Education*, 1–16.
- Shea, L., Sandholtz, J., & Shanahan, T. (2018). We Are All Talking: A Whole-School Approach to Professional Development for Teachers of English Learners. *Professional Development in Education*, 44(2), 190-208.
- Sparks, D., & Loucks-Horsley, S. (1989). Five Models of Staff Development for Teachers. *Journal of Staff Development*, 10(4), 40-57.
- Syed Ismail, S. M. & Ahmad Subki, M. (2010). *Guru dan Cabaran Semasa*. Puchong Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Thompson, P., Kriewaldt, J., & Redman, C. (2020). Elaborating a Model for Teacher Professional Learning to Sustain Improvement in Teaching Practice. *Australian Journal of Teacher Education*, 45, 81-103.
- Timperley, H. (2011). *Realizing the Power of Professional Learning*. London: McGraw-Hill Education.
- UNESCO (2018). United Nations Educational. Scientific and Cultural Organization.
- Van Driel, J. H. (2014). Professional Learning of Science Teachers. In: Bruguière, C., Tiberghien, A., Clément, P. (eds) *Topics and Trends in Current Science Education. Contributions from Science Education Research*, vol 1. Springer, Dordrecht. https://doi.org/10.1007/978-94-007-7281-6_9
- Ventista, O. M., & Brown, C. (2023). Teachers' Professional Learning and its Impact on Students' Learning Outcomes: Findings from a Systematic Review. *Social Sciences & Humanities Open*, 8(1), 100565.

- Wal, J. J., Beemt, A. V., Martens, R. L., & Brok, P. J. (2018). The Relationship Between Job Demands, Job Resources and Teachers' Professional Learning: Is it Explained by Self-Determination Theory? *Studies in Continuing Education*, 1-23.
- Wiliam, D. (2016), *Leadership for Teacher Learning: Creating a Culture Where All Teachers Improve So That All Students Succeed*. Hawker Brownlow Education, Moorabbin.
- Wills, A. (2015). A Case Study of Teacher Leadership at an Elementary School. Unpublished Certificate of Advanced Study Thesis, Sacred Heart University, Fairfield, CT.
- Yunga, D. (2020). The Implications of Learning and Development for Teacher Professionalism. *Neveléstudomány | Oktatás – Kutatás – Innováció*, 8(3), 6–15.